

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Keempat Dalam Sains Farmasi

Semester Tambahan, Sidang 1986/87

FCP 452.50 - Farmasi Klinikal I

Tarikh: 24 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

Soalan I

- (A) Puan K, seorang wanita berumur 50 tahun mengadu kurang selera makan, lesu seluruh badan semenjak sebulan yang lalu. Ujian makmal yang dijalankan menunjukkan keputusan seperti berikut:

BUN	240mg/dl
Kreatinin	24mg/dl
pH	7.29
pO ₂	113mmHg
pCO ₂	25mmHg
HCO ₃	12mM/l
Na	134mEq/l
K	6mEq/l
Cl	96mEq/l
CO ₂	14mEq/l

- (i) Apakah jenis ketidakseimbangan asid-bes yang dialami oleh puan K?
(2 markah)
- (ii) Berdasarkan kepada data di atas, kirakan jurang anionnya?
(2 markah)
- (iii) Apakah etiologi yang paling mungkin di dalam mengakibatkan ketidakseimbangan asid-bes tersebut? Terangkan bagaimana ia boleh mengakitkannya.
(6 markah)
- (iv) Terangkan bagaimana keadaan tersebut dapat diatasi.
(6 markah)

(B) Drug-drug berikut dikatakan boleh mengakibatkan ketidakseimbangan asid-bes.

- (i) Furosemid
- (ii) Asetazolamid
- (iii) Steroid

Bagi setiap satu, nyatakan jenis ketidakseimbangan asid-bes yang mungkin berlaku dan terangkan bagaimana keadaan ini boleh terjadi.

(9 markah)

Soalan II

Tuliskan nota-nota ringkas mengenai semua tajuk berikut:

- (i) Jenis-jenis bahan pembawa untuk sediaan-sediaan topikal.

(5 markah)

- (ii) Faktor-faktor di dalam pemilihan pembawa dan drug untuk terapi topikal.

(10 markah)

- (iii) Prinsip-prinsip am bagi terapi kortikosteroid topikal.

(10 markah)

...4/-

Soalan III

Huraikan dengan ringkas semua perkara berikut.

- (A) Perbezaan di antara hepatitis A, B dan bukan A - bukan B.

(5 markah)

- (B) Berikan perubahan-perubahan nilai makmal darah bagi pesakit yang mengalami hepatitis B bermula daripada hari pertama ke hari 20.

(5 markah)

- (C) Berikan regimen-regimen rawatan yang terdapat bagi hepatitis B.

(7 markah)

- (D) Berikan regimen rawatan pesakit yang mengalami ensefalopati hepar akibat hepatitis.

(8 markah)

...5/-

Soalan IV

Encik A seorang lelaki obes berumur 50 tahun mengadu sakit dan rasa panas pada bahagian dada. Keadaan ini menjadi teruk apabila beliau berbaring; kadangkala mengalami regurgitasi. Beliau telah mengalami kesakitan ini sejak 2 tahun yang lalu dan boleh dilegakan dengan drug Gaviscon[®] yang dipreskripsikan oleh doktor. Tetapi akhir-akhir ini drug tersebut tidak dapat lagi melegakan kesakitan tersebut.

Pesakit didiagnosiskan mengidapi esofagitis refluks dan diberi rawatan drug simetidin.

Sejarah pesakit:

- Mengidapi hipertensi sejak 5 tahun lalu dan dirawat dengan propranolol
- Mengisap lebih kurang 20 batang rokok sehari.

(A) (i) Bincangkan secara ringkas etiologi esofagitis refluks.

(4 markah)

(ii) Apakah itu Gaviscon[®]? Terangkan rasional pemberiannya.

(4 markah)

(iii) Beri regimen simetidin dan terangkan rasional pemberiannya.

(4 markah)

...6/-

Soalan IV

- (B) (i) Apakah propanolol berinteraksi dengan simetidin? Bincangkan.

(3 markah)

- (ii) Beri 3 contoh drug alternatif yang berkesan untuk merawat pesakit. Terangkan rasional pemberiannya.

(6 markah)

- (iii) Terangkan rawatan tanpa drug (rawatan am) yang boleh mengurangkan simptom pesakit.

(4 markah)

Soalan V

Encik CS seorang pesakit lelaki, berumur 60 tahun, berat badan 55 kg telah dimasukkan ke hospital kerana besungut demam, batuk dan sesak nafas. Sejarah penyakit masa lampau menunjukkan beliau pernah mengidap PTB dan diabetes. Pesakit CS menghisap rokok sebanyak 20 batang sehari semenjak 40 tahun lalu.

Pemeriksaan fizikal menunjukkan beliau mengalami dispnea, demam dengan suhu badan 39°C , deyutan nadi 124/minit dan BP-140/90 mmHg. Pesakit CS juga mengalami rale dan ronki bilateral.

Doktor telah membuat kemungkinan diagnosis bronkopneumonia.

Soalan V

- (A) Terangkan dengan ringkas faktor-faktor risiko jangkitan paru-paru pesakit CS.

(6 markah)

- (B) Setelah keputusan ujian sputum AFB diketahui negatif, kiraan sel darah putih meningkat, pesakit CS perlu dirawat secara empirik.

(i) Berikan senarai kemungkinan etiologi bronkopneumonia.

(ii) Cadangkan terapi antibiotik yang paling sesuai bagi pesakit CS.

(9 markah)

- (C) Selepas empat (4) hari keputusan kultur darah dan kesensitifan seperti berikut diperolehi;

Organisme - *Pseudomonas auriginosa*

S - Amikasin	R - gentamisin
R - Karbenisilin	R - kloramfenikol
R - Sefaleksin	R - ampisilin
S - Sefeperazon	R - neomisin
S - Seftazidim	S - tobramisin

Pesakit CS masih demam dan bersimptom.

...8/-

- (i) Kelaskan antibiotik-antibiotik yang digunakan di dalam ujian kesensitifan di atas mengikut kumpulan farmakologi.
- (ii) Cadangkan satu regimen antibiotik yang sesuai dan pemonitorannya.

(10 markah)

-oooOoooo-